

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Orang ramai ada sebab tersendiri lengkapkan dos penggalak Covid-19

KUALA LUMPUR - Walaupun pengambilan dos penggalak kedua vaksin Covid-19 tidak diwajibkan, namun orang ramai yang secara sukarela mengambilnya mempunyai alasan tersendiri untuk berbuat demikian.

Penghidap kanser limfoma, Fuzianna Ibrahim, 59, berkata, beliau memilih untuk mendapatkan dos penggalak kedua kerana penyakit itu menjejaskan daya tahan imunnya sehingga mendedahkan beliau kepada risiko tinggi dijangkiti Covid-19.

"Bagi kes saya, memang (pengambilan dos penggalak kedua) sangat diperlukan sebab bukan hanya saya menghidap kanser tetapi saya juga telah melakukan pemindahan sum-sum tulang yang merendahkan lagi keimunan badan saya.

"Saya memang hendak (dapatkan dos penggalak kedua) kerana saya sedar saya ada komobiditi dan kadangkala melakukan perjalanan, saya mahu rasa lebih terlindung... Jadi saya tanya doktor yang merawat kanser saya adakah boleh dan beliau amat mengesyorkannya," kata beliau.

Bekas ahli farmasi itu turut menyarankan agar penghidap kanser seperti beliau atau yang berisiko terdedah kepada jangkitan Covid-19 disebabkan faktor lain seperti sudah berusia untuk tidak takut mendapatkan dos penggalak kedua.

Bagi petugas media, Anis Hazim Sharudin, 26, keputusan untuk melengkapkan pengambilan dos penggalak adalah bagi melindungi dirinya daripada bahaya Covid-19 dan sebagai langkah berjaga-jaga dengan mengambil kira kekerapan beliau ke luar negara.

"Saya sedar risiko jangkitan Covid-19 adalah lebih tinggi apabila berada di kawasan tertutup seperti dalam kapal terbang dan sebelum ini, saya pernah positif Covid-19 selepas pulang mengembara dari luar negara.


"Selain itu, bagi mengadaptasi dengan kehidupan dalam norma baharu terutama keperluan untuk hadir semula ke pejabat membuatkan saya ingin mengambil dos penggalak sebagai perlindungan," katanya.

Pada masa sama, Anis berkata, proses mendapatkan dos penggalak melalui aplikasi MySejahtera juga amat mudah dan tidak menyukarkan beliau yang sentiasa mempunyai jadual kerja padat.

"Semuanya dilakukan di aplikasi MySejahtera. Ambil masa seminggu untuk tempah dan klinik pilihan saya hanya 10 minit dari rumah, tidak perlu beratur panjang dan keseluruhan proses adalah kurang daripada 30 minit," katanya.

Baru-baru ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan suntikan dos penggalak ditawarkan di 1,293 pusat pemberian vaksin (PPV) di seluruh negara iaitu di 104 hospital Kementerian Kesihatan Malaysia, 754 klinik kesihatan dan 435 PPV swasta. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Suntikan dos penggalak ditawarkan di 1,293 pusat pemberian vaksin (PPV) di seluruh negara.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

Risiko belanja RM250 juta sebulan rawat pesakit HIV

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamulia.com.my

KUANTAN: Kerajaan berisiko menanggung perbelanjaan sehingga RM250 juta sebulan jika pengamal homoseksual menghidap HIV peringkat lanjut yang memerlukan rawatan di hospital.

Jumlah itu hanya membabitkan 10,000 pengamal homoseksual berbanding lebih 300,000 menurut hasil kajian Jabatan Kemanusiaan Islam Malaysia (Jakim) pada 2018.

Pertubuhan Doktor-doktor Islam Malaysia (Perdim) berpandangan, perkara itu bagaimanapun boleh dikawal jika kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan memberi golongan terbahut ubat *pre-exposure prophylaxis* (PrEP) untuk mencegah transmisi HIV.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Perdim, Dr. Boi Saidi Abd. Razak berkata, pengamal homoseksual adalah golongan yang berisiko mendapat jangkitan HIV, hepatitis B dan C.

Justeru katanya, Kementerian Kesihatan wajar memperkenalkan ubat PrEP kepada golongan tersebut untuk pencegahan.

"Jika tidak diberikan ubat PrEP kepada golongan homoseksual dan dijangkiti HIV, mereka perlu dibawa ke hospital kerajaan untuk rawatan. Seorang pesakit HIV peringkat lanjut, kos sekitar RM20,000 ke RM25,000 sebulan jika sudah dimasukkan ke hospital.

"Kos ini tentu perlu ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Ambil contoh 10,000 orang daripada lebih 300,000 golongan homoseksual dijangkiti HIV dan perlu mendapatkan rawatan di hospital, perbelanjaan cukup besar sehingga RM250 juta sebulan perlu dibelanjakan kerajaan," katanya di sini semalam.

Khamis lalu, Jabatan Mufti Negeri Selangor dilaporkan melarang pemberian ubat PrEP yang digunakan untuk mencegah jangkitan HIV kepada pasangan homoseksual.

Jabatan itu dilaporkan berka-



Jika tidak diberikan ubat PrEP kepada golongan homoseksual dan dijangkiti HIV, mereka perlu dibawa ke hospital kerajaan untuk rawatan."

BOI SAIDI ABD. RAZAK

ta, pengambilan atau pemberian ubat berkenaan hanya diharuskan kepada pasangan suami isteri.

Kata jabatan tersebut, pemberian kepada mereka yang diketahui mengamalkan cara hidup homoseksual adalah dilarang kerana dianggap bersubahat dalam perkara dosa dan kemaksiatan.

PrEP ialah ubatan oral yang digunakan untuk mencegah jangkitan HIV melalui hubungan kelamin ataupun penggunaan jarum suntikan.

Buat masa ini, PrEP diberikan kepada individu berstatus HIV-negatif yang berisiko untuk mendapat jangkitan tersebut, seperti pasangan kepada individu yang menghidap HIV.

Dr. Boi Saidi berkata, daripada sudut pandang perubatan, adalah menguntungkan jika Kementerian Kesihatan mula memberikan ubat ini kepada golongan homoseksual.

Ubat PrEP, katanya, tidak semestinya diberikan secara percuma, tetapi boleh diberikan preskripsi kepada golongan itu dan dibeli di farmasi atau klinik swasta.

"Dasar perubatan pemberian ubat ini, jika golongan homoseksual ini dijangkiti HIV, hepatitis B dan C tahap lanjut, mereka tetap terpaksa dirawat di hospital kerajaan dan rawatannya pula cukup mahal serta perlu ditanggung oleh pembayar cukai," katanya.

Bersikap adil terhadap pegawai farmasi kontrak

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) harus bersikap adil terhadap pegawai farmasi kontrak dengan memberi peluang yang sama rata dalam temu duga untuk diserap ke jawatan tetap.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrahi Buang berkata, walaupun terdapat pegawai farmasi kontrak gagal dalam temu duga lepas, mereka wajar diberi peluang menghidupkannya semula.

"Persoalan dapat atau tidak adalah perkara kedua, yang penting semua yang berhasrat untuk menghadiri temu duga harus diberi peluang terutama lepasan 2016 dan 2017 yang belum mendapat jawatan tetap.

"Pada masa sama, KKM harus memberitahu kriteria yang dimahukan mereka bagi jawatan tetap ini kerana temu duga dilaksanakan di peringkat

kementerian dan bukan penyedia hospital masing-masing.

"Pegawai farmasi kontrak tidak berpuas hati kerana doktor perubatan dan doktor gigi diberi peluang untuk menghadiri temu duga berulang kali tetapi bukan mereka," katanya semalam.

Terdahulu, Gerakan Hartal Farmasi Kontrak mempersoal tatacara KKM menilai kemahiran pegawai farmasi kontrak untuk diserap ke jawatan tetap apabila dikendalikan dalam kalangan penemu duga yang tidak memahami bidang tersebut.

Ahli gerakan itu mendakwa, temu duga yang dikendalikan tidak melibatkan pegawai perubatan atasan yang mengenali pegawai kontrak terbahut dan memahami bidang tugas itu, sebaliknya melibatkan agensi lain yang tidak mengetahui ruang lingkup bidang berkenaan. Amrahi berkata, Jabatan

Perkhidmatan Awam (JPA) turut memainkan peranan dalam isu ini kerana arahan pelantikan dan temu duga yang disampaikan oleh KKM diterima daripada mereka.

"JPA bersama KKM harus mengkaji dahulu keperluan sebenar pegawai farmasi yang diperlukan dalam sektor awam kini supaya mereka sedar dan tahu langkah yang harus diambil bagi masa depan masing-masing.

"Kita faham bahawa bukan semua pegawai kontrak farmasi boleh diserapkan menjadi tetap serta isu gred disoalakan juga. Sebab itu, KKM harus kaji keperluan sedia ada.

"Pada masa yang sama, banyak lagi peluang kerjaya bagi pegawai kontrak farmasi di sektor swasta, sebagai contoh di bahagian formulasi, pengeluaran, kualiti dan farmaseutikal," katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

The ill need second boost

People with problems should take another vaccine shot

KUALA LUMPUR: Although taking the second booster dose of the Covid-19 vaccine is not mandatory, those who voluntarily take it have their reasons why they feel compelled to do so.

Datin Fuzianna Ibrahim, 59, who has lymphoma cancer, said she chose to get the second booster dose because the illness she was dealing with affected her immune system, exposing her to a high risk of contracting the virus.

"Indeed, in my case, (taking the second booster dose) is very necessary because I have cancer and had a stem cell transplant, which further decreases my body's immunity.

"I want to because I have a comorbidity, and I travel a bit; I want to be more protected... I asked my doctor

if it was possible, and he strongly advised it," she told Bernama.

The former pharmacist suggested those who have cancer like her or who are at risk of being exposed to Covid-19 infection due to other factors such as old age to not be afraid of getting a second booster dose.

Media practitioner Anis Hazim Sharudin, 26, decided to take the second booster dose due to her frequent travels abroad.

"I am aware of the higher risk of infection with Covid-19 when I am in a closed area, such as in an aeroplane, and I have previously tested positive for the virus after returning from abroad.

"Adapting to life in the new norm, especially the need to come back to work in the office, made me want to

take a booster dose as protection," she said.

Anis added that getting a booster dose through the MySejahtera application was also very easy for her, given her busy work schedule.

"I highly recommend it to family and friends. Everything is done via the MySejahtera application. It takes a week to book, and the clinic of my choice is only 10 minutes from home, no need to queue, and the whole process is less than 30 minutes," she said.

Content creator Zainol Arif Zainal Bahrin, 25, who will be taking his second booster dose tomorrow, feels that it is his social responsibility to curb the spread of Covid-19 and protect himself.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah,

Director-General of Health, recently stated that booster doses are available at 1,293 vaccination centres (PPV) nationwide, including 104 Health Ministry hospitals, 754 health clinics, and 435 private PPVs.

He said those in priority groups could get vaccinations without an appointment or via 'walk-in' at a hospital, health clinic, or private PPVs, while other categories needed to book an appointment through the MySejahtera application or call a private PPV.

Based on the latest data on the KKMNOW website, a total of 16,297,142 individuals, or 49.9% of the population, had taken the first booster dose, and from that figure, only 759,815 or 2.3% chose to get the second booster dose.